

25 FEB 2003

NAM-Pleno/I

KESELAMATAN, KEAMANAN GLOBAL TOPIK HANGAT PERBAHASAN UMUM NAM

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 memasuki hari kedua dan terakhir dengan keselamatan serta keamanan global, atau kekurangan kedua-duanya, tetap lantang dibahaskan oleh para pemimpin semasa sesi pleno.

Dengan mengambil isyarat daripada teguran tajam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan sulungnya semalam, mereka rata-rata bersetuju bahawa peperangan seharusnya menjadi langkah terakhir atau yang tidak dapat dielakkan bagi menyelesaikan masalah dunia.

Dalam nada yang sama, mereka bercakap mengenai keperluan untuk menghapuskan dunia dari proses unilateral dan hegemoni, dari doktrin campurtangan ketenteraan dan dasar penjajahan yang kini menjelma dalam pelbagai bentuk.

Kim Yong Nam, Presiden Perhimpunan Agung Perwakilan Rakyat Korea Utara berkata dunia telah tiba ke peringkat di mana kedaulatan dan hak-hak kewujudan negara-negara sedang membangun kini terancam dengan teruk.

Kim, yang negaranya sedang bertelingkah dengan Amerika Syarikat berikutan program nuklearnya berkata, proses unilateral berasaskan teori "Kuasa ialah Segalanya" telah memusnahkan norma-norma hubungan dan aturan antarabangsa, yang telah menyebabkan dunia dilanda ketegangan atas alasan menentang keganasan.

Mengenai konflik Amerika Syarikat-Korea Utara, beliau menjelaskan bahawa negaranya terpaksa berundur dari Perjanjian Perlucutan Senjata Nuklear (NPT) untuk mengatasi keadaan yang mendesak di mana "kepentingan utama diancam oleh dasar rakus Amerika Syarikat."

Kim mengulangi bahawa di sebalik pengundurannya daripada NPT, aktiviti nuklear Korea Utara akan dihadkan hanya kepada tujuan-tujuan keamanan, umpamanya pengeluaran tenaga elektrik.

Presiden Zimbabwe Robert Mugabe pula berkata sokongan kepada pentadbiran Amerika Syarikat untuk menceroboh Iraq merupakan sokongan bagi cadangan kempen tidak berperikemanusiaan yang sudah pasti akan menyaksikan banyak nyawa terkorban.

"Presiden Amerika Syarikat George Bush dan Perdana Menteri Britain Tony Blair seolah-olah telah mewujudkan kecenderungan untuk berperang yang terbit daripada ideologi yang sama terhadap dasar perluasan empayar yang baru," katanya.

Perdana Menteri Papua New Guinea Sir Michael T. Somare menyokong idea berkaitan proses multilateral menerusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk menyelesaikan konflik dan mengekalkan keamanan global.

Katanya peperangan di Iraq tidak syak lagi akan mendatangkan akibat yang dahsyat, terutamanya dalam kesan-kesannya.

Sir Michael juga mahu krisis di Semenanjung Korea ditangani menerusi perundingan dan dialog.

Presiden Timor Leste Xanana Gusmao berkata negara itu mengesahkan semula pengiktirafan terhadap hak rakyat Palestin untuk menubuhkan negaranya sendiri di mana mereka boleh hidup dengan aman dan bermaruah.

Beliau berkata Timor Leste juga ingin melihat situasi di Sahara Barat diberikan perhatian sewajarnya memandangkan ianya telah diketepikan dalam kebanyakan forum antarabangsa.

Gusmao turut mengulangi semula pentingnya keamanan memandangkan keangkuhan dan penyalahgunaan kuasa, tidak bertoleransi dan sikap keras kepala pemimpin tertentu boleh menjadi ancaman kepada keamanan dunia.

Presiden Zanzibar Amani Abeid Karume, yang mewakili Tanzania, mahu penghapusan senjata pemusnah besar-besaran dikenakan kepada semua negara.

Sementara itu, Naib Presiden Malawi Justin Malewezi berkata tindakan unilateral ke atas Iraq tidak dapat diterima kerana ia akan menjejaskan kewibawaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang diharap oleh seluruh dunia untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan.

Presiden Tunisia Zine El Abidine Ali menggesa PBB mengadakan persidangan bagi merumuskan kod etika antarabangsa terhadap peperangan menentang keganasan yang melibatkan semua negara.

Dalam ucapan yang disampaikan oleh Menteri Luar Habib Yahia, presiden itu berkata negaranya beranggapan tindakan bersama di kalangan institusi antarabangsa, terutamanya PBB, merupakan rangka kerja terbaik bagi menyelesaikan masalah dan krisis.

Semasa menyuarakan kebimbangannya terhadap situasi di Palestin yang semakin buruk dan perlunya penyelesaian yang aman bagi krisis Iraq, beliau berkata sekatan yang dikenakan terhadap Libya perlu dihapuskan sama sekali.

Perdana Menteri Laos Bounnyang Vorachith berkata NAM perlu berusaha secara bersama untuk menghalang peperangan dari meletus di Iraq dan berikhtiar membina keamanan dan kestabilan bagi kepentingan bersama di semua wilayah.

Mengenai isu program nuklear Korea Utara pula, beliau menggesa semua negara untuk melaksanakan sepenuhnya kawalan dan terlibat dalam dialog serta perundingan bagi menyelesaikannya secara aman.

Naib Presiden Pertama Sudan Ali Osman Mohamed Taha mengulangi pendirian negerinya yang membantah peperangan digunakan untuk menyelesaikan pertelagahan.

Beliau berkata melancarkan perang ke atas Iraq tanpa mengikut undang-undang antarabangsa bukan sahaja mengancam kepentingan negara-negara NAM tetapi juga mengancam keamanan antarabangsa, kewujudan PBB dan memperkecilkan kepentingan negara-negara Arab dan Islam.

Katanya negara-negara NAM juga perlu mengutuk sekeras-kerasnya perbuatan jenayah Israel terhadap rakyat Palestin.

Perdana Menteri Mauritius Sir Anerood Jugnauth memberitahu perhimpunan itu bahawa multilateralisme merupakan satu-satunya pendekatan terbaik dan proses itu tidak patut diremehkan.

"NAM patut menolak unilateralisme," katanya.

Menteri Luar Libya dan ketua delegasi Abdelrahman Mohamed Shalghem berkata Libya menentang keras sebarang serangan terhadap Iraq kerana ia akan menghancurkan kehidupan rakyatnya yang sudahpun keletihan dengan halangan dan sekatan.

Katanya jika peperangan tercetus juga disebabkan keputusan satu pihak, akibatnya ialah ketegangan dan konfrontasi akan menjadi lebih hebat berbanding semasa Perang Dingin.

"Kita juga perlu menegaskan semula gesaan kita supaya dikembalikan Golan kepada Syria sementara bagi Iraq, kempen propaganda dan penghantaran tentera patut dihentikan," katanya.

Sambil menekankan bahawa peperangan di Iraq akan melemahkan pertumbuhan dan kestabilan ekonomi Afrika yang rapuh, Timbalan Perdana Menteri Uganda James Wakabulo menarik perhatian bahawa tindakan segera diperlukan untuk mengelakkan konflik sedemikian.

Mengenai konflik Israel-Palestin, Wakabulo berkata Uganda percaya bahawa rakyat di kedua-dua pihak patut hidup bersama di sempadan yang selamat dan diiktiraf antarabangsa.

-- BERNAMA

RT MAM RON